



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS KESEDIAAN GURU TERHADAP INTEGRASI KEMAHIRAN
BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN PRASEKOLAH**

SANDRA BINTI SUFFIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kesediaan guru dalam mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) prasekolah dilaksanakan. Pendekatan kualitatif dengan reka bentuk Hermeneutik telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian terdiri daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang melibatkan seramai 15 orang guru prasekolah. Data dianalisis menggunakan Kaedah Hermeneutik yang berbentuk interpretasi teks kepada metateks. Dapatan kajian menunjukkan guru prasekolah menumpukan tiga daripada empat tahap pemikiran KBAT yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), iaitu mencipta, mengaplikasi dan menganalisis dalam penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Guru kerap menggunakan peta buih sebagai alat berfikir semasa proses PdP. Guru juga menggunakan strategi pengajaran yang berkesan seperti aktiviti berkumpulan, meneroka di luar persekitaran kelas dan teknik penceritaan. Masalah utama yang dihadapi oleh guru prasekolah untuk mengintegrasikan KBAT ialah kesukaran mengakses internet, kurangnya pengetahuan mengenai KBAT dan belum memahami konsep KBAT sepenuhnya. Pada keseluruhannya, guru mempunyai sikap positif terhadap kesediaan dalam menguasai dan mengintegrasikan KBAT dalam melaksanakan PdP di prasekolah. Kesimpulannya, guru masih belum mempunyai kesediaan dalam mengintegrasikan konsep KBAT sepenuhnya. Implikasi kajian ialah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu mengintegrasikan KBAT dalam isi kandungan pengetahuan kepada guru melalui seminar, kursus atau bengkel dari semasa ke semasa ke arah PdP prasekolah yang mantap.





ANALYSIS OF TEACHERS' READINESS TOWARDS THE INTEGRATION OF HIGHER ORDER THINKING SKILLS IN PRESCHOOL TEACHING AND LEARNING

ABSTRACT

This study aimed to examine teachers' readiness to integrate higher order thinking skills (HOTS) based on aspects of knowledge, skills and attitudes during the preschool teaching and learning process (TnL). A qualitative approach with the Hermeneutic design was used in this study. The research instrument consisted of interviews, observations and document analysis involving 15 preschool teachers. Data were analysed using the Hermeneutic method encompassing the interpretation of texts to metatexts. The findings showed that teachers focussed on three of the four levels of thinking contained in the National Preschool Curriculum Standard (KSPK), namely create, apply and analyse in Daily Lesson Plan writing. Teachers often use bubble maps as a thinking tool during the TnL process. Teachers also use effective teaching strategies such as group activities, exploring outside of the classroom environment and storytelling techniques. The main problem faced by preschool teachers in integrating HOTS is the difficulty of accessing the internet, lack of knowledge about HOTS and not fully understanding the concept of HOTS. Overall, teachers have a positive attitude towards the readiness to master and integrate HOTS in implementing TnL in preschool. In conclusion, teachers are still not ready to fully integrate the HOTS concept. The study implies that the Ministry of Education Malaysia (MOE) needs to integrate HOTS into the content of knowledge for the teacher through seminars, courses or workshops from time to time towards strengthening the preschool TnL.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Sejarah Pendidikan Prasekolah	2
1.2.2 Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	5
1.2.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Prasekolah	7
1.2.4 Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah	9
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Soalan Kajian	16



1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Batasan Kajian	18
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9	Definisi Operasional Kajian	20
1.9.1	Pendidikan Prasekolah	20
1.9.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	20
1.9.3	Guru Prasekolah	21
1.9.4	Kesediaan Guru	22
1.9.5	Pengetahuan	22
1.9.6	Sikap	23
1.9.7	Kemahiran	24
1.9.8	Kaedah Hermeneutik	24

1.10	Rumusan	26
------	---------	----

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 27

2.1	Pengenalan	27
2.2	Pendidikan Prasekolah	28
2.2.1	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan	28
2.2.2	Sejarah KSPK	29
2.3	Konsep dan Model Kemahiran Berfikir	32
2.3.1	Kemahiran Berfikir	32
2.3.2	Pemikiran Kritis	35
2.3.3	Pemikiran Kreatif	40
2.3.4	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	46

2.4	Kesediaan Guru Prasekolah	52
2.5	Teori-teori yang Berkaitan	56
2.5.1	Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget	56
2.5.2	Teori Perkembangan Kognitif Vygotsky	59
2.5.3	Teori Kecerdasan Howard Gardner	60
2.5.4	Kerangka Teoritikal Kajian	63
2.6	Kajian Dalam Negara	64
2.7	Kajian Luar Negara	67
2.8	Teori Hermeneutik	72
2.8.1	Pendekatan Hermeneutik	72
2.8.2	Fenomenologi Hermeneutik	72
2.8.3	Pengertian Tentang Teori Hermeneutik	76
2.9	Falsafah Sains Hermeneutik	82
2.9.1	Teks	82
2.9.2	Terbuka Kepada Fenomena	83
2.9.3	Fakta Dan Kebenaran	84
2.9.4	Kebenaran (<i>Truth</i>)	85
2.9.5	Ontoenigma dan <i>Situational Temporality</i>	85
2.9.6	Metateks	86
2.9.7	Struktur Luaran Dan Struktur Dalaman	87
2.9.8	Objektiviti Dalam Sains Hermeneutik	87
2.10	Pengaplikasian Analisis Hermeneutik Dalam Kelas	88
2.10.1	Kebersamaan (<i>Witness</i>) Dan Kemuafakatan (<i>Togetherness</i>)	89
2.10.2	Organisasi Interaksi Sengaja	89

2.10.3	Permulaan Dan Penutup Interaksi	90
2.11	Putaran Hermeneutik	91
2.12	Ciri-Ciri Keterbukaan (<i>Openness</i>)	95
2.13	Ciri-Ciri Kekaburan Pada Teks (<i>Ontoenigma</i>)	95
2.14	Rumusan	98
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	99
3.1	Pengenalan	99
3.2	Reka Bentuk Kajian	100
3.3	Persampelan	103
3.4	Pengumpulan Data	105
3.5	Unsur-Unsur Instrumen, Kebolehpercayaan Dan Kesahan	110
3.5.1	Kebolehpercayaan Kajian	111
3.5.2	Kesahan Kajian	112
3.6	Data Instrumen Berbentuk Teks	113
3.7	Metateks	114
3.8	Prosedur Kajian	115
3.9	Rumusan	116
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	117
4.1	Pengenalan	117
4.2	Analisis unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang terdapat dalam penulisan buku rekod Rancangan Pengajaran Harian guru prasekolah dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Analisis Dokumen	118



4.3	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 1 Melalui Kaedah Hermeneutik	149
4.4	Analisis Bagaimana Guru Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Integrasi KBAT Di Prasekolah Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Pemerhatian	151
4.5	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 2 Melalui Kaedah Hermeneutik	187
4.6	Analisis Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Temu Bual	189
4.7	Perbincangan Interpretasi Berdasarkan Soalan Kajian 3 Melalui Kaedah Hermeneutik	191
4.8	Analisis Kesiediaan Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Prasekolah Dengan Menggunakan Kaedah Hermeneutik Melalui Temu Bual	193
4.8.1	Analisis Kesiediaan Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Prasekolah Dari Aspek Pengetahuan	193
4.8.2	Perbincangan Interpretasi Jawapan Bagi Soalan Kajian 4 Dari Aspek Pengetahuan	206
4.8.3	Analisis Kesiediaan Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Prasekolah Dari Aspek Kemahiran	208
4.8.4	Perbincangan Interpretasi Jawapan Bagi Soalan Kajian 4 Dari Aspek Kemahiran	223
4.8.5	Analisis Kesiediaan Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Prasekolah Dari Aspek Sikap	224
4.8.6	Perbincangan Interpretasi Jawapan Bagi Soalan Kajian 4 Dari Aspek Sikap	226
4.9	Perbincangan Interpretasi Kesiediaan Guru Prasekolah Terhadap Integrasi KBAT Dalam Pengajaran Dan	227



Pembelajaran Di Prasekolah Merangkumi Aspek Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Melalui Kaedah Hermeneutik

4.10	Rumusan	228
------	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN 229

5.1	Pengenalan	229
-----	------------	-----

5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	230
-----	--------------------------	-----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	231
-----	-----------------------------	-----

5.3.1	Unsur KBAT dalam Penulisan Buku Rekod Rancangan Pengajaran Harian guru prasekolah	231
-------	---	-----

5.3.2	Kehadiran KBAT dalam PdP guru prasekolah	233
-------	--	-----

5.3.3	Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam PdP prasekolah	235
-------	---	-----

5.3.4	Kesediaan guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam PdP di prasekolah	237
-------	---	-----

5.4	Implikasi Dapatan Kajian	238
-----	--------------------------	-----

5.5	Sumbangan Kajian	241
-----	------------------	-----

5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	242
-----	--------------------------	-----

5.7	Kesimpulan	244
-----	------------	-----

5.8	Rumusan	245
-----	---------	-----

RUJUKAN 246

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Tahap Pemikiran Dalam KBAT	30
2.2	Model Kemahiran Berfikir Secara kritis Beyer (1988)	37
2.3	Model Kemahiran Pemikiran Kritis KPM (1994)	37
2.4	Model Pemikiran Kreatif Fogarty dan Bellance (1990)	41
2.5	Model Kemahiran Pemikiran Kreatif KPM (1994)	41
3.1	Keterangan Reka Bentuk Kajian	102
4.1	Apakah unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang terdapat dalam penulisan buku rekod Rancangan Pengajaran Harian guru prasekolah	149
4.2	Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam PdP di prasekolah	191



**SENARAI RAJAH****No. Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	19
2.1	Model Kemahiran Berfikir	45
2.2	7 Elemen Dalam KBAT (KPM, 2013)	48
2.3	Taksonomi Bloom	50
2.4	Kerangka Teoritikal Kajian	63
2.5	Struktur Pemahaman Dalam Hermeneutik	93
2.6	Proses Ontopretasi	96
2.7	Proses Ontoenigma	97
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
4.1	Kekerapan penulisan unsur KBAT dalam RPH	150





SENARAI SINGKATAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi





SENARAI LAMPIRAN

- A Senarai Semak Pemerhatian
- B Soalan Temu Bual
- C Senarai Semak Analisis Dokumen





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan soalan kajian. Bab ini juga akan menyentuh tentang kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan bagi keseluruhan bab.





1.2 Latar belakang kajian

Pengkaji akan menjelaskan mengenai latar belakang kajian yang terdiri daripada sejarah pendidikan prasekolah, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan kesediaan guru prasekolah dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

1.2.1 Sejarah Pendidikan Prasekolah

Pendidikan prasekolah ialah program pendidikan bagi murid yang berumur 4 hingga 6 tahun sebagaimana yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Menteri telah meluluskan pendidikan prasekolah di bawah seksyen 22 iaitu apa-apa program dan kegiatan pendidikan prasekolah hendaklah mengikut garis panduan kurikulum prasekolah yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pendidikan prasekolah diwujudkan adalah untuk memperkembangkan lagi potensi kanak-kanak secara menyeluruh seiring dengan tema JERIS iaitu meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial dengan menggunakan konsep persekitaran pembelajaran selamat, menyuburkan serta diikuti aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan juga bermakna. Tujuannya adalah untuk meningkatkan lagi kemahiran dan keyakinan diri dalam setiap murid agar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa serta yang paling penting murid boleh menangani cabaran dan tanggungjawab apabila masuk ke alam persekolahan sekolah rendah kelak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).





Terdapat pelbagai pendekatan aktiviti yang sesuai dengan perkembangan diri, kebolehan, keupayaan, bakat serta minat murid yang dapat digunakan oleh guru prasekolah dalam pendidikan prasekolah. Oleh itu, guru prasekolah harus kreatif dalam merangka aktiviti agar murid dapat melibatkan diri secara aktif supaya murid tidak berasa bosan sebaliknya akan menjadikan pembelajaran mereka lebih bermakna, berkesan dan menggembirakan. Justeru itu, untuk memastikan setiap murid mendapat peluang yang sama serta memperolehi pelbagai pengalaman pembelajaran sebenar sama ada secara individu, kelas atau pun kumpulan, guru prasekolah perlu merancang aktiviti tersebut dan dikelolakan secara teliti dan sistematik.

Menurut Sufean Hussin (1996), pada suatu ketika dahulu iaitu sekitar era tahun 50-an, pendidikan prasekolah hanya tertumpu kepada kanak-kanak daripada golongan atas. Hal ini kerana, pada ketika itu kadar yuran persekolahan sangat mahal. Pada masa itu juga, tidak dinafikan kebanyakan guru yang mengajar di prasekolah tidak mendapat latihan profesional dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak, namun kemahiran mereka tidak diambil kira kerana pendidikan prasekolah ketika itu lebih bersifat elit. Kurikulum yang digunapakai ketika itu bersifat tradisional yang menyediakan kemahiran asas dalam aspek membaca, menulis dan mengira sahaja. Pada masa yang sama, wujud prasekolah yang ditaja dan dikendalikan oleh pertubuhan agama Kristian yang dijalankan di gereja-gereja. Keadaan ini menjadikan peluang pendidikan awal dalam kalangan kanak-kanak golongan bawahan menjadi semakin terbatas terutama di kawasan luar bandar di Malaysia.





Tahun demi tahun berlalu, bermulalah detik paling bersejarah bagi perkembangan pendidikan prasekolah di Malaysia pada tahun 1969. Pada tahun tersebut, Yayasan Asia telah mengorak langkah dalam menyumbangkan peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Pekerja-Pekerja Malaysia untuk membiayai penubuhan beberapa buah pusat prasekolah. Pusat-pusat prasekolah ini ditubuhkan di beberapa tempat di negeri Selangor adalah mirip '*Projek Head Start*' di Amerika Syarikat. Pada ketika itu, sasaran utama adalah kanak-kanak yang datangnya daripada keluarga miskin dan tidak berkemampuan iaitu yang terdapat dalam kalangan masyarakat Melayu, India dan Cina. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Yayasan Sabah dan Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan program pendidikan prasekolah tersebut (Sufean Hussin, 1996).

Tidak lama kemudian, pada awal Januari tahun 1992 Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Prasekolah 'Annex' yang mana bertujuan untuk memberi kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak miskin di luar bandar yang tidak mampu membayar yuran program pendidikan prasekolah disebabkan terlalu mahal berikutan anggaran sebanyak 53% daripada 490,700 orang kanak-kanak berumur lima tahun ke atas tidak mendapat kemudahan pendidikan prasekolah. Pada ketika itu sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah telah diwujudkan di seluruh Malaysia dan bilangan prasekolah kekal sehingga tahun 2001 (Rohaty, 2003).





Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) di bawah gelombang 1 (2013-2015), kerajaan memberikan tumpuan terhadap peningkatan enrolmen dan penambahbaikan kualiti prasekolah yang bertujuan untuk mencapai akses secara menyeluruh. Menjelang tahun 2015, kerajaan telah menyasarkan peningkatan sebanyak 92% enrolmen murid dalam prasekolah yang berdaftar. Berikutan sasaran tersebut maka, sebanyak 3,500 buah bilik darjah telah diwujudkan bagi menampung hampir 71,000 orang kanak-kanak. Sehubungan itu, kerajaan sekali lagi menyasarkan enrolmen prasekolah akan meningkat menjelang tahun 2020 iaitu seramai 900,000 orang kanak-kanak berdaftar pada peringkat prasekolah di seluruh Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).



Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) merupakan dasar sebagai panduan guru yang telah digubal oleh kerajaan bagi mendukung hasrat mulia negara dalam menyediakan pendidikan prasekolah yang bertaraf antarabangsa kepada generasi masa kini dan akan datang.

Tujuan KSPK digubal adalah untuk memperkembangkan potensi murid yang berumur empat hingga enam tahun secara menyeluruh dan bersepadu dalam aspek yang bertemakan JERIS iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. KSPK juga digubal agar dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat dan menyuburkan serta aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. Selain itu, KSPK juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran murid, menanam sifat yakin diri





dan membentuk konsep sendiri yang positif dalam diri setiap murid agar mereka bersedia dalam mengharungi cabaran apabila mengikuti pembelajaran ke peringkat seterusnya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016).

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang dilaksanakan pada tahun 2010 telah disemak semula bagi memenuhi tuntutan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dan juga keperluan semasa. Tujuan penyemakan semula ini dilakukan adalah bagi memastikan kualiti kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah setanding dengan standard antarabangsa. Rekabentuk KSPK digubal berdasarkan kurikulum berasaskan standard, berbentuk modular yang diterjemahkan dalam KSPK 2016 mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran. Dokumen kurikulum ini dinamakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). DSKP yang dihasilkan telah menyepadukan enam tunjang dalam kerangka KSPK 2016 iaitu Tunjang Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Perkembangan Fizikal dan Estetika; Sains dan Teknologi; dan Keterampilan Diri. Penggubalan KSPK juga turut mengambil kira keperluan bagi memastikan kesinambungan antara KSPK dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berlaku.

Menurut KPM (2016), murid prasekolah berpeluang untuk mencapai objektif berikut:

- Menggunakan bahasa untuk menyampaikan komunikasi yang berkesan.
- Mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian bagi murid beragama Islam.





- Mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
- Menghargai dan peka terhadap budaya masyarakat Malaysia.
- Menyayangi dan menghargai alam sekitar.
- Memperkembangkan konsep sendiri yang positif dan sifat yakin diri.
- mempraktikkan amalan gaya hidup sihat, membina kecergasan badan dan menjaga keselamatan diri.
- Mengembangkan daya kreatif dan estetika.
- Mengaplikasikan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif serta kemahiran menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan kehidupan seharian.

Sejajar dengan pembangunan arus pemodenan dunia, satu daripada hasrat KSPK digubal adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai kemahiran abad ke-21 iaitu dengan menumpukan kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni.

1.2.3 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Prasekolah

Satu anjakan paradigma telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui transformasi pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi membuka jalan ke arah pembentukan rakyat yang berpendidikan. Perubahan ini dilakukan secara menyeluruh melibatkan pendidikan prasekolah sehingga pendidikan pengajian tinggi dengan meletakkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sebagai salah satu aspek utama yang difokuskan dalam pengajaran.





Menurut KPM (2016), KBAT merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan untuk menggalakkan pemikiran luar daripada kotak setelah Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) dilaksanakan sebelumnya. Bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid prasekolah, KBAT telah dinyatakan secara eksplisit dalam KSPK agar guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah. KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.

KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaaakul dan strategi berfikir. Kemahiran berfikir kritis membawa maksud kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman. Kemahiran menaaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional. Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan bertujuan untuk menyelesaikan masalah. KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek (KPM, 2016).

Bloom (1956) mencipta istilah, kemahiran berfikir aras tinggi (HOTs) dan menentukan tahap analisis, sintesis, dan penilaian pengetahuan. Dalam tahap analisis, pelajar terlibat dalam dua proses: (1) mengenal pasti sebab-sebab kejadian tertentu, dan (2) menganalisis maklumat untuk mencapai kesimpulan. Pelajar dikehendaki berfikir





secara mendalam dan kritikal. Di dalam tahap sintesis, pelajar membuat ramalan dan menyelesaikan masalah. Selain itu, pelajar juga digalakkan untuk menghasilkan pelbagai jawapan kreatif, bukan hanya mencari satu jawapan yang betul. Dalam proses penilaian, pelajar menilai idea dan maklumat serta menggalakkan mereka berfikir dan memberi pendapat mengenai nilai isu yang diperiksa.

1.2.4 Pengajaran dan Pembelajaran di Prasekolah

Menurut KPM (2016) dalam semakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, perkara-perkara yang diambil kira dalam merancang aktiviti PdP prasekolah ialah:

- i) Kebolehan dan aras perkembangan-kognitif murid
- ii) Memberi peluang kepada murid untuk membuat pilihan semasa menjalankan aktiviti
- iii) Menggunakan bahan maujud dalam PdP bagi membantu murid menguasai konsep dan pengetahuan
- iv) Aktiviti PdP perlu pelbagai dan seimbang supaya pembelajaran murid lebih berkesan dan bermakna seperti: aktiviti dalam dan luar, aktiviti aktif dan pasif, aktiviti individu, kumpulan dan kelas serta aktiviti berasaskan inisiatif murid dan aktiviti yang dirancang oleh guru

Justeru, Malaysia memerlukan guru prasekolah profesional yang layak untuk menyampaikan pengajaran prasekolah terutama sekali mengenai kandungan kurikulum prasekolah yang memperkenalkan konsep 4M (membaca, menulis, mengira dan menaakul) di peringkat prasekolah. Untuk memenuhi kriteria standard ini, guru





prasekolah amat memerlukan panduan yang tepat, sehingga mereka dapat menerapkan ‘permainan’ dengan cara yang fleksibel (Miller & Almon, 2009). Oleh itu, bagi mencapai kriteria tersebut seorang guru prasekolah harus berpandangan jauh dalam menerapkan pendekatan pengajaran yang tepat. Pendekatan mengajar adalah kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai. Kemahiran ini termasuk menguruskan tingkah laku pelajar, kemahiran yang hanya akan dicapai melalui pengalaman mengajar bertahun-tahun.

Seiring dengan tuntutan pembelajaran abad ke-21, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) konvensional seperti *chalk and talk* suatu ketika dahulu kini berubah kepada kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang mana lebih bersifat dinamik dan kreatif diikuti dengan isi kandungan pembelajaran yang relevan. Demi melaksanakan perubahan tersebut, guru yang juga dianggap sebagai “kumpulan pelaksana” adalah insan yang bertanggungjawab dan perlu bersiap sedia menerima dan menguruskan segala perubahan.

Guru juga perlu menyedari bahawa dunia pendidikan kini adalah lebih canggih seiring dengan perkembangan zaman yang mana kaedah PdPc perlu diubah suai ke arah perkembangan teknologi siber dan berpusatkan murid agar dapat menarik minat murid untuk menghayati mata pelajaran sekaligus memantapkan KBAT mereka. Penguasaan terhadap KBAT serta mengamalkannya adalah penting demi merealisasikan hasrat murni Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membentuk modal insan yang berkualiti dan seimbang seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan:





“Pendidikan adalah usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.” (Akta Pendidikan 1996: Akta 550, ms.12)

Justeru, guru-guru perlu mempunyai pengetahuan tinggi dan berkemahiran tentang amalan-amalan baharu pengajaran dan pembelajaran (PdP) seiring pembelajaran dan keperluan semasa, iaitu abad ke-21. Guru perlu kreatif dalam menyampaikan pengajaran supaya PdP yang dihasilkan menarik minat murid supaya pembelajaran lebih bermakna.



1.3 Pernyataan masalah

Kajian yang dijalankan ini menyentuh tentang masalah yang timbul berkenaan dengan kesediaan guru prasekolah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam mengintegrasikan KBAT di peringkat murid-murid prasekolah di bawah kelolaan KPM. Terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti yang menyebabkan proses integrasi KBAT dalam PdP di prasekolah agak sukar dijalankan.

Antara masalah yang wujud dalam mengintegrasikan KBAT dalam PdP prasekolah, seperti yang dinyatakan oleh Fernández dan Feliu (2017), apabila guru prasekolah memasuki bilik darjah, kaedah pengajaran yang mereka gunakan biasanya cukup tradisional dan tidak menjurus ke arah pembangunan KBAT dalam kalangan





murid. Hal ini kerana, guru hanya fokus kepada aspek pengajaran dan pembelajaran pendidikan artistik namun kurang dari segi latihan metodologi serta falsafah.

Menurut Rajendran (2001), guru harus peka terhadap objektif pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan sedia ada kanak-kanak, minat kanak-kanak, kemudahan dan kemahiran yang hendak diajar semasa memilih strategi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian Abdul Rahman, Jamaludin dan Zamri (2015) mendapati bahawa kebanyakan guru tidak menekankan kemahiran berfikir kepada murid-murid dalam pengajaran mereka. Menurut Esah (2003), guru merupakan pengurus pembelajaran yang bertanggungjawab untuk merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar kepada murid pada setiap hari.



semasa global serta bijak dalam menggunakan pelbagai strategi PdP yang sesuai dengan tahap perkembangan, kebolehan, keperluan, bakat dan minat murid agar suasana pembelajaran menjadi lebih bermakna dan berkesan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2010), guru prasekolah disarankan untuk menggunakan kaedah belajar sambil bermain sebagai pendekatan strategi PdP di prasekolah. Justeru, guru prasekolah perlu memantapkan lagi ilmu dalam pendidikan awal kanak-kanak agar dapat melaksanakan proses PdP dengan jayanya dan bijak dalam memilih kaedah pengajaran yang sesuai untuk dilaksanakan di prasekolah.

Schulz dan FitzPatrick (2016) menyatakan bahawa guru sedar bahawa KBAT adalah penting untuk pendidikan, tetapi masih terdapat segelintir guru yang tidak faham apa itu KBAT serta peranan mereka dalam melaksanakan KBAT. Justeru, keadaan ini





menimbulkan keraguan dalam diri guru prasekolah tentang bagaimana hendak melaksanakan PdP melalui integrasi KBAT. Dalam hal ini, pengkaji berpendapat bahawa dalam melaksanakan strategi atau kaedah PdP di prasekolah sebenarnya memerlukan pengetahuan yang cukup luas lebih-lebih lagi apabila hendak melaksanakan KBAT untuk setiap sesi PdP.

Kemahiran berfikir diterapkan kepada murid melalui soalan-soalan aras tinggi, aktiviti-aktiviti yang menggalakkan pemikiran dan penyelesaian masalah serta kaedah-kaedah pengajaran yang boleh mendorong ke arah meningkatkan kemahiran berfikir. Dalam sesi pembelajaran, guru kerap berhadapan dengan murid yang berbeza dari segi kebolehan mereka. Kepakaran guru amat diperlukan dalam menentukan strategi PdP. Hal ini bermakna, guru boleh menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan murid. Strategi dan teknik yang dipilih itu, selain berpotensi merangsang murid belajar secara aktif dan juga mampu membantu menganalisis konsep atau idea dan berupaya menarik hati murid serta dapat menghasilkan pembelajaran yang bermakna (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002).

Dapatan kajian Bay dan Hartman (2015) menunjukkan bahawa guru prasekolah lebih banyak bertanya soalan berdasarkan tahap pengetahuan sedia ada mereka serta menggunakan jenis soalan tertutup terhadap murid. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa guru prasekolah lebih banyak bertanya kepada murid hanya apabila dalam aktiviti kumpulan dan sangat kurang bertanya apabila murid melakukan aktiviti secara individu. Oleh itu, guru prasekolah perlu meningkatkan lagi kemahiran





bertanya soalan mereka terhadap murid prasekolah agar dapat menggalakkan KBAT dalam kalangan murid.

Whittaker (2014) juga turut menyatakan bahawa, aktiviti prasekolah lebih banyak tertumpu terhadap kemahiran yang diperoleh dalam aktiviti literasi dan menulis, namun kurang dalam kemahiran berfikir kritikal, penaakulan dan penyelesaian masalah yang mana sebenarnya adalah merupakan asas kepada pembelajaran dan pembangunan diri murid. Kemahiran berfikir sangat memerlukan perhatian yang khusus dan penting untuk guru-guru memupuknya dari awal.

Berdasarkan tinjauan literatur, kebanyakan fokus kajian lepas lebih banyak tertumpu di peringkat sekolah rendah (Othman & Kassim, 2017); (Hassan, Mustapha, Yusuff & Mansor, 2017) peringkat sekolah menengah (Peng & Nadaraja, 2016); (Ismail & Mahamod, 2016) dan juga peringkat pengajian institusi tinggi (Ali & Noordin, 2010); (Yusoff, Osman, Shaari & Ghazali, 2012). Dalam konteks pendidikan prasekolah kurangnya kajian terkini yang menumpukan kepada kesediaan guru prasekolah dalam mengintegrasikan KBAT dalam PdP di prasekolah. Oleh yang demikian, kajian ini amat penting dilaksanakan untuk menyediakan sejumlah maklumat mengenai sejauh manakah kesediaan guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam PdP prasekolah. Malahan kajian ini juga dapat mencungkil kesedaran dalam kalangan guru betapa pentingnya unsur-unsur KBAT untuk diterapkan dalam PdP.





Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis kesediaan guru terhadap integrasi KBAT dalam melaksanakan PdP di prasekolah. Analisis kesediaan guru ini juga bertujuan untuk mengenal pasti masalah guru dalam melaksanakan PdP melalui integrasi KBAT di peringkat prasekolah.

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dilakukan bersandarkan atas beberapa objektif yang berikut:

- i) Menenal pasti unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam penulisan buku rekod Rancangan Pengajaran Harian guru prasekolah.
- ii) Menenal pasti kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru melalui integrasi KBAT di prasekolah.
- iii) Menenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam melaksanakan PdP melalui integrasi KBAT di prasekolah.
- iv) Menenal pasti sejauh manakah kesediaan guru prasekolah dalam mengintegrasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran.





1.5 Soalan kajian

Soalan kajian adalah kesinambungan daripada objektif yang ingin dikaji dalam kajian ini:

- i) Apakah unsur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang terdapat dalam penulisan buku rekod Rancangan Pengajaran Harian guru prasekolah?
- ii) Bagaimanakah guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui integrasi KBAT di prasekolah?
- iii) Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah?
- iv) Sejauh manakah kesediaan guru prasekolah terhadap integrasi KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran di prasekolah dari aspek pengetahuan, sikap dan



1.6 Kepentingan kajian

Melalui hasil kajian ini, pengkaji berharap agar semua pihak yang terlibat terutama sekali murid, guru dan juga pihak KPM akan berkongsi manfaat yang diperoleh bersama terutama dalam meningkatkan mutu PdP berfokuskan KBAT. Antara manfaat tersebut ialah hasil kajian ini akan memberi impak yang tinggi terhadap guru dalam melaksanakan KBAT di dalam bilik darjah dengan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pemikiran murid. Selain itu, guru juga dapat melihat sejauh mana permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan KBAT dan keperluan guru untuk mengintegrasikan KBAT dalam PdP.





Guru seharusnya mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap KBAT, pedagogi, bina item dan pentaksiran terhadap murid prasekolah. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan buat guru dalam melaksanakan PdP yang berkesan di dalam bilik darjah. Justeru itu, untuk memastikan tahap pemikiran murid berkembang, guru perlulah bijak dalam merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar murid tidak bosan dan sentiasa bersemangat untuk datang ke kelas. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan guru prasekolah bahawa latihan dalaman sangat penting untuk meningkatkan pengetahuan guru apabila berlakunya perubahan kurikulum.

Hasil dapatan kajian ini diharap akan dapat memastikan serta membentuk murid agar mereka sedar betapa pentingnya penguasaan KBAT pada pembelajaran abad ke-21 ini. Melalui penerapan KBAT juga, murid dapat meningkatkan keupayaan berfikir, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan kemahiran belajar agar dapat menjawab soalan dengan lebih baik serta murid dapat mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka dengan ilmu terdahulu yang mereka telah pelajari dalam kehidupan sebenar dan seterusnya dapat mempersiapkan pemikiran murid prasekolah apabila melangkah ke Tahun Satu kelak.

Selain itu, hasil dapatan kajian ini dapat memberi maklum balas yang positif kepada pihak sekolah/pentadbir untuk memberi tunjuk ajar serta bimbingan dan sokongan terhadap guru prasekolah agar dapat meningkatkan pengetahuan dalam mengintegrasikan KBAT dalam PdP. Selain itu juga, pihak sekolah/pentadbir juga dapat mengenalpasti langkah-langkah dan kaedah terbaik dalam memenuhi keperluan guru prasekolah untuk mengintegrasikan KBAT dalam PdP di prasekolah.





Akhir sekali, melalui hasil kajian ini, pihak KPM dapat mengambil langkah terbaik dalam meningkatkan lagi pengetahuan para pendidik melalui program-program latihan yang terancang dalam mencapai hasrat murni Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pihak KPM juga dapat merancang sebaik mungkin segala program latihan perkembangan profesionalisme untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam KBAT. Dapatan hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan sebagai penambahbaikan program latihan yang bakal dilaksanakan agar lebih berkesan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan di beberapa buah prasekolah di sekitar daerah Larut, Matang dan Selama (LMS) di negeri Perak. Jumlah subjek kajian terdiri daripada 15 orang guru prasekolah yang mengajar di daerah Larut, Matang dan Selama. Kajian ini hanya melibatkan guru prasekolah yang mengajar kanak-kanak dari umur lima hingga enam tahun sahaja dan mempunyai pengalaman lebih dari lima tahun tempoh berkhidmat dan pernah mengikuti kursus dan latihan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan bersedia secara sukarela untuk menjadi peserta kajian. Kanak-kanak yang diajar terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti agama, bangsa, budaya, bahasa dan sosio ekonomi.

Seramai 15 orang guru prasekolah terlibat bagi memperoleh data pemerhatian dan juga analisis dokumen Rancangan Pengajaran Harian guru tersebut. Manakala, seramai 15 orang guru prasekolah ditemu bual bagi mengukuhkan lagi pengumpulan data. Kesemua maklumat yang didapati daripada kajian ini adalah terbatas kepada guru




yang terlibat dan menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi tujuan pemupukan KBAT di prasekolah. Ketepatan kajian juga bergantung kepada kejujuran dan keikhlasan responden dalam menjawab soalan yang diberikan.

Hasil dapatan kajian dapat menggambarkan populasi di daerah Larut Matang dan Selama sahaja. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan ke atas seluruh populasi prasekolah di Malaysia. Batasan-batasan ini ditentukan supaya skop kajian tidak menjadi terlalu luas iaitu melampaui tahap pengajian sarjana mod A. Penentuan batasan-batasan ini membantu pengkaji membuat kajian dalam skop yang logik dan sah.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Bagi menjayakan kajian ini, Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian yang digunakan oleh pengkaji.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Definisi Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa istilah atau ungkapan yang memerlukan penjelasan agar dapat mencipta persepsi yang jelas mengenai maksud perkataan tersebut. Penjelasan adalah berdasarkan kepada tajuk kajian iaitu:

1.9.1 Pendidikan Prasekolah

Mengikut Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2003), pendidikan prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum masuk ke Tahun Satu di sekolah formal. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun sahaja.

1.9.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

KBAT telah dinyatakan secara eksplisit dalam kurikulum sistem pendidikan Malaysia agar memudahkan guru untuk menterjemahkan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan untuk merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Menurut KPM (2016), KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul



dan strategi berfikir. Kemahiran berfikir sangat penting kerana ia melibatkan penggunaan minda bagi menilai kewajaran untuk menilai sesuatu idea, meneliti ketepatan, kebaikan dan kelemahan sesuatu dengan membuat pertimbangan yang wajar di samping menggunakan alasan dan bukti yang munasabah. Dalam kajian ini, pengkaji akan melihat empat tahap pemikiran KBAT murid prasekolah seperti yang terkandung dalam KSPK Semakan 2017.

1.9.3 Guru Prasekolah

Dalam konteks kajian ini, guru prasekolah adalah guru yang mengajar kanak-kanak berusia antara lima hingga enam tahun sebelum mereka memasuki alam persekolahan secara formal di Tahun Satu sekolah rendah. Guru prasekolah bertanggungjawab memastikan PdP dilaksanakan mengikut KSPK, aktiviti ko-kurikulum dilaksanakan seperti yang ditetapkan, menguruskan murid, menyediakan pengurusan kewangan dan memastikan pembantu pengurusan murid melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan.

Guru prasekolah mesti mempunyai kelayakan opsyen prasekolah sama ada di peringkat ijazah, diploma atau sijil dari universiti atau Institut Pendidikan Guru (IPG) yang diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru prasekolah juga mestilah bersifat mesra, penyayang, prihatin dan penyabar. Guru prasekolah juga berperanan sebagai pendidik, pembimbing dan pengasuh kanak-kanak dan yang lebih penting guru prasekolah juga memainkan peranan sebagai pengganti ibu bapa dan sebagai *role-model* yang baik kepada kanak-kanak.



1.9.4 Kesiediaan Guru

Kesiediaan guru untuk mengendali PdP adalah merangkumi ilmu pengetahuan mata pelajaran, kemahiran untuk mengajar kandungan mata pelajaran dan sikap guru ke atas tanggungjawab mereka. Dalam konteks kajian ini, seorang guru itu perlulah mempunyai kesiediaan dan kepakaran dalam mengajar KBAT kepada murid supaya ianya berjaya meninggalkan kesan yang positif ke dalam diri mereka dengan mengambil kira semua aspek yang mempengaruhi kemahiran berfikir (Nur Athirah & Faridah, 2017).

1.9.5 Pengetahuan



Pengetahuan digunakan untuk menjelaskan pemahaman ke atas sesuatu objek dan kemungkinan berkeupayaan menggunakannya untuk satu tujuan tertentu. Standard Profesional oleh *National Council for Accreditation of Teacher Education* (2008) mentakrifkan pengetahuan sebagai penguasaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang guru yang meliputi semua prinsip dan konsep. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan yang dimaksudkan adalah pengetahuan asas berkaitan KBAT, pengetahuan dalam aspek pedagogi berunsurkan KBAT serta pengetahuan dalam aspek menerapkan unsur-unsur KBAT dalam penyediaan RPH mahupun penyampaian PdP.





1.9.6 Sikap

Sikap boleh didefinisikan sebagai suatu tindak balas atau perasaan yang positif atau negatif kepada suatu objek, keadaan, institusi atau seseorang bagi seseorang individu (Aiken, 2000; Desa, 2009). Sikap juga didefinisikan sebagai suatu proses mental yang bersifat fikiran, perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek, aspek atau situasi tertentu (Ismail, 2012) yang mendorong seseorang individu menunjukkan kecenderungan terhadap sesuatu perkara atau benda atau peristiwa (Azmi & Ahmad, 2008).

Daripada definisi tersebut, sikap boleh diinterpretasikan suatu tindak balas yang menggambarkan perasaan suka atau tidak yang dapat dizahirkan melalui perubahan tingkah laku seperti tingkah laku prejudis, diskriminasi pro sosial dan sebagainya (Desa, 2009). Sikap memainkan peranan penting dalam melaksanakan pentaksiran (Yan & Cheng, 2015). Dalam kajian ini, definisi operasi sikap adalah merujuk kepada pembentukan sikap positif guru hasil daripada pelaksanaan PdP dalam aspek kognitif seperti pelaksanaan KBAT dapat membantu pembelajaran dan bersesuaian dengan perkembangan murid pada masa kini, guru mudah memahami murid serta meningkatkan keberkesanan pengajaran dan profesionalisme guru, aspek afektif seperti emosi guru terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti dalam PdP serta aspek tingkah laku seperti tingkah laku yang positif yang ditonjolkan oleh guru dan murid akibat pelaksanaan KBAT seperti murid minat dan aktif belajar, guru bermotivasi tinggi serta berusaha meningkatkan pengetahuan berkaitan KBAT.





1.9.7 Kemahiran

Menurut Jamil et al. (2013), kemahiran profesional yang perlu dimiliki oleh seorang guru terdiri daripada kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran merancang, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran mengurus. Blandford (2009) menyatakan bahawa guru-guru yang mempunyai cukup kemahiran pedagogi dan pengetahuan dalam bidang pelajaran yang mereka ajar akan dapat menjalankan tugas mengajar dengan memuaskan. Dalam konteks kajian ini, kemahiran adalah merujuk kepada kemahiran guru menerapkan unsur KBAT dalam penyampaian PdP terhadap murid prasekolah melalui penggunaan alat berfikir, bahan maujud, penulisan RPH serta teknik mengajar yang digunakan oleh guru.



1.9.8 Kaedah Hermeneutik

Kaedah Hermeneutik digunakan sebagai suatu percubaan ke arah mencari makna dalam perkataan yang ditulis atau merekodkan dapatan semasa mengkaji apa yang dikehendakinya. Kaedah Hermeneutik adalah satu daripada kaedah menganalisis teks (hasil penulisan) yang tertua digunakan oleh para penyelidik untuk menginterpretasi Kitab Injil dalam kajian Greek lama. Heidegger, seorang ahli falsafah German menggunakan kaedah ini untuk cuba memahami dan mentafsir ayat-ayat daripada Kitab Injil. Perkataan Hermeneutik berasal dari dua perkataan Greek yang bermaksud “interpretation”. Kaedah ini adalah kualitatif yang menekankan pengaruh sosiobudaya dan sejarah dalam mencungkil atau mendedahkan makna tersirat dalam membuat karya.





Menurut Loganathan (1992), Hermeneutik merupakan sains yang membicarakan tingkah laku manusia melalui metodologi yang sesuai dalam konteks dunia kini. Menurut Mueller (1997), Hermeneutik adalah seni pemahaman dan bukan sebagai bahan yang telah pun difahami. Hermeneutik juga adalah sebahagian daripada seni pemikiran dan berlatarkan falsafah. Oleh itu, untuk melakukan penginterpretasian terhadap ilmu pengetahuan tentang bahasa, maka adalah penting untuk memahami ilmu pengetahuan individu.

Menurut Rickman (1967), segala bentuk yang melahirkan ekspresi perasaan dan pemikiran manusia boleh dianggap sebagai teks yang boleh dianalisis dan diinterpretasikan dalam konteks Hermeneutik. Dalam penginterpretasian teks, pembaca cuba melupakan atau “menghilangkan” dirinya untuk menstrukturkan pemahaman melalui teks dan seterusnya memprojeksikan kemungkinan pemahaman-pemahaman baru melalui pembacaan teks. Teks yang dihasilkan oleh penulis dilihat mampu menampilkan penginterpretasian teks dalam konteks peredaran masa dan himpunan sejarah. Menurut Suppiah (2016), kaedah Hermeneutik dapat menghalusi makna teks sebagai cara untuk menyampaikan pengalaman, kepercayaan dan penghakiman daripada seseorang atau komuniti ke atas orang lain. Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan Kaedah Hermeneutik untuk menganalisis data yang diperoleh daripada hasil temu bual, analisis dokumen serta pemerhatian. Data tersebut berbentuk teks yang diperoleh daripada instrumen kajian yang kemudiannya akan diinterpretasikan kepada metateks sesuai mengikut tema yang telah dipilih.





1.10 Rumusan

Dalam bab ini telah dibincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konseptual kajian, batasan kajian dan definisi operasional serta rumusan.

